

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

FEBRUARI 2000

RAK 552 – Amalan Profesional Seni Bina

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan ini terbahagi kepada **BAHAGIAN A, B dan C**.

Jawab **LIMA (5)** soalan yang merangkumi sekurang-kurangnya **SATU (1)** soalan daripada setiap **BAHAGIAN**.

BAHAGIAN A

1. Seseorang arkitek yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia boleh menubuhkan firma arkitek di mana saja di dalam negara Malaysia.

Huraikan syarat-syarat (termasuk aspek perundangan) yang perlu diambil kira dalam membuat pilihan terhadap jenis-jenis firma yang ingin ditubuhkan.

Bincangkan juga kelebihan dan kelemahan setiap satunya.

(20 MARKAH)

2. Selain daripada mempunyai pilihan untuk menubuhkan firma perkhidmatan arkitek, seorang arkitek berdaftar boleh meneruskan kerjayanya di dalam lain-lain bidang yang berkaitan daya kesenibinaan.

Bincangkan apakah bidang-bidang yang dimaksudkan ini.

(20 MARKAH)

...2/-

BAHAGIAN B

3. (a) Apakah perkara-perkara utama yang perlu diambil kira di dalam penyediaan sebuah Dokumen Kontrak bagi sesuatu projek bangunan?
- (b) Apakah perbezaan di antara sebuah Dokumen Tender dan Dokumen Kontrak.
- (c) Ringkaskan pengetahuan anda tentang Arahan Arkitek mengikut Borang Kontrak Bangunan PAM yang standard.

(20 MARKAH)

4. (a) Harga terendah bukanlah kriteria di dalam proses pemilihan kontraktor sesuatu projek binaan. Bincangkan.
- (b) Sijil-sijil interim perlu dikeluarkan sepanjang perjalanan sesuatu kontrak binaan. Apakah pertimbangan-pertimbangan yang perlu diambil kira sebelum pengeluaran sijil-sijil tersebut.
- (c) Terdapat kecacatan berlaku di dalam tempoh masa kecacatan kontrak sebuah bangunan. Sebagai Arkitek Projek, apakah nasihat anda yang perlu diberikan kepada tuan bangunan dan kontraktor utama.

(20 MARKAH)

BAHAGIAN C

5. Dengan berpandukan Sekil Yuran Minima Arkitek Peraturan 1986 dan Syarat-Syarat Perlantikan Arkitek, beri huraian ringkas tentang perkara-perkara berikut:
- (a) Surat pelepasan Arkitek
- (b) Kerja-kerja repetitif
- (c) Penglibatan perunding-perunding lain
- (d) Surat perlantikan dan persetujuan Arkitek

(20 MARKAH)

6. Terangkan dengan ringkas proses untuk mendapatkan kelulusan permohonan merancang dari pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

(20 MARKAH)

oooOOooo